

MAHATHIR-JEPUN
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA BELIAU TIDAK MAHU RAKYAT 'SEWENANG-WENANGNYA MENIRU SEGALA-GALA YANG DILAKUKAN OLEH ORANG JEPUN' DALAM LANGKAH MENAMBAH PENGELUARAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDAR BAHAWA TERDAPAT PERBEZAAN MENGENAI IKLIM ALAM SEKITAR DAN KEBUDAYAAN ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN DAN OLEH ITU ADALAH MUSTAHIL UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

'APA YANG SAYA CADANGKAN IALAH KITA DAPAT MEMPELAJARI BANYAK PERKARA DARIPADA MASYARAKAT JEPUN TERUTAMA MENGENAI ETIKA KERJA YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA PENGELUARAN TINGGI,' KATANYA DALAM UCAPAN PENTING KETIKA MELANCARKAN KEMPEN DAYA PENGELUARAN KEBANGSAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA ADA DUA CARA BAGI MALAYSIA MENCAPAI MATLAMAT MENINGKATKAN PENGELUARAN.

SATU CARA IALAH MENERUSI PAKSAAN IAITU MELALUI PERUNDANGAN DAN YANG KEDUA IALAH MELALUI PERUBAHAN SIKAP DAN MEMINTA RAKYAT MEMPUNYAI SIKAP BANGGA AKAN KERJA MASING-MASING. -- BERSAMBUNG 1625/MB

B597

MAHATHIR-JEPUN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERPENDAPAT BAHAWA CARA KEDUA DALAM MENYEMAI SIKAP BANGGA TERHADAP KERJA YANG DILAKUKAN ADALAH LEBIH PRODUKTIF.

PERDANA MENTERI MEMBERI PENGHARGAAN TINGGI KEPADA ANGKATAN BERSENJATA, POLIS, BOMBA DAN PERKHIDMATAN PERUBATAN.

BELIAU MENYERU ORANGRAMAI SUPAYA MENCONTOHI PARA PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN TERSEBUT YANG 'TELAH BEKERJA TIDAK MENGHIRAUKAN MASA KADANG-KADANG DALAM KEADAAN YANG BERBAHAYA UNTUK BERKHIDMAT KEPADA SESAMA MANUSIA.'

'APABILA MALAPETAKA MENIMPA - BANJIR KILAT, KEBAKARAN, NAHAS KAPALTERBANG DAN SEBAGAINYA -- MEREKA BERSATUPADU MEMBERIKAN MASA, USAHA DAN SELALUNYA MILIK PERIBADI BAGI MEMBANTU MEREKA YANG MALANG ITU.'

'MENGAPA KITA TIDAK DAPAT MEMPERKENALKAN SEDIKIT DARI SEMANGAT INI KE DALAM KEHIDUPAN KITA SEHARI-HARI?' TANYA BELIAU.

'JIKA KITA DAPAT MEMBAIKI SIKAP KITA DAN MENGANGGAP PEMBAZIRAN DALAM APAJUA BENTUK SEBAGAI SATU JENAYAH YANG TIDAK BOLEH DIMAAFKAN TERHADAP DIRI SENDIRI, MAKA KITA AKAN MENCAPAI SATU PARAS PENGELUARAN YANG TINGGI YANG BEGITU PENTING KEPADA KEMAJUAN KEBANGSAAN KITA,' TAMBAHNYA LAGI. -- BERNAMA 1635/MB